

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JKE 417 - Ekonomi Perindustrian**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SEMUA bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA soalan dalam Bahagian B.

Jangan ceraikan mana-mana muka surat soalan ini kerana anda WAJIB menyerahkan kembali keseluruhan kertas soalan ini setelah tamat peperiksaan ini.

Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Bahagian ini menyumbangkan 60 markah. Baca arahan setiap bahagian tentang cara menjawab soalan itu sebelum anda menjawab. Ikatkan jawapan anda kepada Bahagian A dengan jawapan kepada Bahagian B.

Jawapan soalan Bahagian B hendaklah ditulis pada buku jawapan peperiksaan yang disediakan. Bahagian ini menyumbangkan 40 markah.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-



## BAHAGIAN A [ 60 markah ]

1. Jawab SEMUA soalan berikut.

[ a ] Sistem organisasi firma dalam kapitalisme tradisional sukar untuk mengembangkan operasinya kerana tiga kekangan besar. Apakah kekangan-kekangan itu?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

[ b ] Berikan LIMA di antara ciri-ciri organisasi baru firma yang diperkenalkan di bawah kapitalisme pengurusan:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ c ] Model teori firma neoklasik telah dikritik daripada beberapa sudut. Secara ringkas berikan hujah yang menyokong teori neoklasik tentang aspek-aspek berikut:

i. Pemaksimuman keuntungan dan peminimuman kos.

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

(2 markah)

...3/-

ii. Andaian tidak realistik.

---

---

---

(2 markah)

iii. Pemaksimuman keuntungan dan persaingan.

---

---

---

(2 markah)

[ d ] EMPAT jenis “ekonomi” yang membolehkan sesebuah firma mencapai saiz optimum:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

[ e ] Cadangkan TIGA kaedah bagi mengatasi kekangan kepada pertumbuhan firma.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

...4/-

[ f ] Berikan LIMA aspek nisbah penumpuan mutlak yang boleh menimbulkan kritikan terhadapnya:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ g ] TIGA kesan penumpuan perniagaan?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(6 markah)

[ h ] Dalam konteks model pertumbuhan Marris, firma boleh meningkatkan permintaan keluarannya melalui LIMA cara seperti berikut:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(4 markah)

...5/-

[ i ] Berikan LIMA peranan pengindustrian dalam pembangunan ekonomi:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ j ] Berikan LIMA sebab kerajaan perlu campur tangan dalam proses pembangunan perindustrian sesebuah negara.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_
- v. \_\_\_\_\_

(5 markah)

[ k ] Kritikan terhadap teori letakan deduktif Weber boleh dikelompokkan ke dalam beberapa tajuk tertentu. Berikan EMPAT daripadanya.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

...6/-

[ l ] TIGA persoalan utama yang mesti diselesaikan sebelum memulakan proses perindustrian di sesebuah negara:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

[ m ] Kritikan terhadap teori letakan Sargent Florence boleh disimpulkan di bawah tajuk-tajuk berikut:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

(3 markah)

[ n ] Apakah faktor-faktor bukan ekonomi yang mempengaruhi letakan perindustrian?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_
- iv. \_\_\_\_\_

(4 markah)

...7/-



## BAHAGIAN B [ 40 markah ]

Jawab DUA soalan sahaja.

2. Struktur pasaran penting dari segi pengaruhnya terhadap gelagat atau perlakuan firma dalam pasaran dan seterusnya mempengaruhi prestasi firma dalam pasaran berkenaan.
- (a) Huraikan secara ringkas aspek-aspek ekonomi teknikal yang boleh membantu firma mencapai saiz optimum.
- (7 markah)
- (b) Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga mempengaruhi saiz firma. Bincangkan secara ringkas punca ekonomi luaran dan kepentingannya kepada pertumbuhan industri.
- (7 markah)
- (c) Kerajaan juga boleh membentuk struktur pasaran melalui dasar-dasarnya. Bincangkan secara ringkas.
- (6 markah)
3. Unit perindustrian tidak boleh ditempatkan mengikut sesuka hati. Faktor-faktor yang mempengaruhi letakan industri itu berbeza-beza. Di samping itu kerajaan juga boleh membantu memajukan perindustrian melalui perancangan yang baik.
- (a) Bincangkan secara ringkas teori kos pengangkutan Weber. Apakah alasan penting yang menyebabkan ada perindustrian yang menyimpang daripada teori kos pengangkutan Weber ini?
- (7 markah)
- (b) Bincangkan perdebatan antara pembangunan pertanian dan pembangunan industri. Tumpukan perbincangan anda kepada kelemahan dan kekuatan masing-masing bidang itu.
- (7 markah)
- (c) Bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan dalam pembangunan perindustrian. Apakah alat-alat dasar yang boleh digunakan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan pembangunan perindustrian?
- (6 markah)

...8/-

4. Ekonomi Malaysia telah merentasi zamannya dan telah mengalami transformasi ekonomi yang hebat. Salah satu langkah dasar penting dan berani yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan sektor perindustrian di Malaysia ialah dasar penswastaan.

( a ) Secara ringkas terangkan pelbagai pandangan tentang makna penswastaan. Apakah bentuk penswastaan yang diguna pakai di Malaysia?

(7 markah)

( b ) Apakah objektif penswastaan di Malaysia, dan apakah kesan dan manfaat yang diharapkan daripada dasar penswastaan tersebut? Apakah isu-isu yang timbul daripada matlamat penswastaan itu?

(7 markah)

( c ) Bincangkan peranan pelaburan asing (*FDI*) dalam pembangunan perindustrian Malaysia.

(6 markah)

- 0000000 -